

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 DISEMBER 2015 [SELASA]

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID [KOTA
TINGGI]**

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji dalam suzuk terbitan Bandar Malaysia.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan Lembaga Tabung Haji (**TH**) dalam Terbitan Sukuk Bandar Malaysia bernilai RM920.8 juta dalam dua bahagian suzuk dan diunjurkan dapat menjana pulangan

sebanyak 5.85 peratus/setahun dan 6.05 peratus/setahun masing-masing bagi tempoh tujuh (7) dan sepuluh (10) tahun.

Pada akhir tempoh pelaburan, **TH** dijangka akan menerima hasil berjumlah RM1.5 bilion dengan keuntungan sebanyak RM579.2 juta. Sehingga kini, **TH** telah menerima pembayaran berjumlah **RM7,853,424.66** mengikut jadual dan tanpa sebarang penangguhan daripada pihak berkenaan.

Sekian, terima kasih.